

WLIC 18 peluang pustakawan terokai pelbagai ilmu baharu

BERITA HARIAN 12/2/2018 p. 70

[FOTO HIASAN]

Era digital kini semakin rancak dengan perkembangan teknologi maklumat. Penyebaran maklumat di dalam semua rangkaian dilihat semakin laju dan pantas.

Dalam tempoh singkat sahaja, sesuatu maklumat dapat disebarluaskan melalui pelbagai medium komunikasi yang wujud pada masa kini.

Kepantasan penyebaran maklumat dan teknologi menyebabkan kita kadang-kala tercicir dan tidak mampu berada seiring dengan perkembangan terbabit.

Perpustakaan juga tidak ketinggalan dalam menghadapi tempias pada era digital ini. Peranan dan fungsi pustakawan perlu seiring dengan kemajuan teknologi.

Terlihat di depan mata kita, terhasilnya perpustakaan digital yang meningkatkan taraf profesional pustakawan akibat bertapaknya kemajuan internet di negara ini.

Tentunya perkembangan yang semakin pantas ini memerlukan kekuatan daya fikiran yang kreatif dan inovatif bagi mentransformasi perpustakaan di dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Tahun 2018 adalah tahun bersejarah dalam dunia kepustakanwan di negara kita kerana pada

24 hingga 30 Ogos nanti, bakal diadakan Persidangan Kali ke-84, World Library and Information Congress (WLIC) di Kuala Lumpur.

Persidangan ini, julung kalinya diadakan di Malaysia yang menjadi negara ketiga di Asia Tenggara diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi persidangan bertaraf dunia itu.

Bakal dihadiri 4,000 peserta

Penghormatan sungguh besar ini perlu direbut pustakawan kerana ia pentas dalam penyebaran pelbagai ilmu baharu, bakal menjadi perhimpunan kira-kira 3,000 hingga 4,000 pendukung bidang penyebaran maklumat dari 120 negara.

Melalui tema *Transform Societies, Transform Libraries*, semua pustakawan perlu mengambil inisiatif menyumbang tenaga dan idea untuk sama-sama bergerak di dalam menjayakan persidangan ini.

Mereka yang dahulu pernah berada dalam arena ini, tetapi sudah bersara, boleh juga menyumbang idea demi kejayaan persidangan berkenaan.

Ini masa dan ketikanya, pejuang dunia perpustakaan memperlihatkan kekuatan profesion kita seperti

profesional lain.

Peluang kali pertama ini perlu diraih kerana ia platform terbaik membina rangkaian sosial melalui perbincangan, pembentangan kertas kerja, lawatan, pameran dan persembahan kebudayaan.

Pendaftaran sebagai sukarelawan masih dibuka kepada mereka yang berminat.

Tugas terbahagi bermula dari ketibaan peserta di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) sehingga sepanjang mereka berada di sini.


Sebagai sukarelawan, kita berusaha membantu memudahkan mereka di samping dapat memperbaiki kaedah komunikasi kita dengan peserta dari luar negara.

Semoga kejayaan menjadi tuan rumah kali ini akan dapat dijadikan kenangan menarik kepada semua dan peserta dari dalam dan luar negara yang hadir ke Persidangan WLIC ke-84 kali ini.

Kita sebagai tuan rumah berdoa semoga yang dirancang bakal terbayar hasil usaha gigih semua.

Azizan Arshad,

Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia



Ledakan era digital turut membabitkan transformasi perpustakaan supaya seiring kemajuan teknologi masa kini.